




6H4M

# KOREA + EVERLAND THEME PARK



**EVERLAND THEME PARK IALAH TAMAN TEMA TERBESAR DI KOREA, TARIKAN UTAMA SEPERTI ROLLER COASTER, SAFARI WORLD, FOUR SEASON GARDEN, PARADES & SHOWS.**

## Currency

 **SOUTH KOREA WON:**  
KRW 1000  
 **RINGGIT MALAYSIA:**  
MYR 3.50

 **PERBEZAAN WAKTU KOREA: GMT+9**

 **Musim Panas:**

Jun - Ogos

 **Musim Luruh:**

Sept - November

 **Musim Sejuk:**

Disember - Feb

 **Musim Bunga:**

Mac - Mei

## Map



# TOUR HIGHLIGHTS

1.



### NAMI ISLAND:

Pulau yang cukup terkenal sebagai lokasi penggambaran Winter Sonata dan mempunyai tarikan pemandangan semula-jadi yang berbeza mengikut musim.

2.



### EVERLAND THEME PARK:

Taman tema terbesar di Korea. Menawarkan pelbagai tarikan antaranya rollercoaster, show parade, zoo, taman bunga, istana kanak-kanak dan banyak lagi.

3.



### HANEUL PARK:

Taman yang terletak di dalam kawasan World Cup Park ini merupakan lokasi terbaik untuk bergambar bagi foto Instagram dengan tumbuhan dan pokok-pokok di sekitar berubah ikut musim dan juga terdapat menara tinjau yang menawarkan pemandangan 360° kotaraya Seoul.

4.



### STARFIELD LIBRARY:

Perpustakaan awam yang terletak di dalam COEX Mall ini menempatkan ribuan jenis buku dan merupakan lokasi terkenal untuk pelancong berfoto.

## Hotel Penginapan

## 3★ Hotel

## Jadual Penerbangan



BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Incheon	Riviera Incheon Hotel/ The Sea & Star Hotel	1 Mlm
Seoul	Rich Diamond/ JK Blossom/ Park Habio Hotel	3 Mlm

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 38	KUL - ICN	1440	2210
6	MH 39	ICN - KUL	0010	0545

## Harga Paket Termasuk

1. Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
2. Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
3. Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
4. Tiket masuk ke tempat lawatan: Everland Theme Park, Nami Island & Gyeongbokgung Palace.
5. Pengangkutan feri ke Nami Island.
6. Pengangkutan golf cart di Haneul Park.
7. Kos pemprosesan K-ETA (untuk warganegara Malaysia sahaja).
8. Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
9. Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang profesional.
10. Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

## Harga Paket Tak Termasuk

1. Urusan permohonan K-ETA (perlu dilakukan oleh travel agent sendiri).
2. Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
3. Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
4. Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
5. Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
6. Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
7. Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan paket termasuk.



6H4M

# KOREA + EVERLAND THEME PARK

Koiman Travel & Tour  
(Reg. No: A3250-0111K21447)

## HARI 01 KUALA LUMPUR - INCHEON

- Berkumpul di KLIA Terminal 2 untuk menaiki penerbangan ke Incheon.
- Bermalam di Incheon.

## HARI 02 INCHEON - CHUNCHEON MT/MM

### Lawatan di Chuncheon:

- Nami Island:** Pulau yang cukup terkenal sebagai lokasi penggambaran Winter Sonata dan mempunyai tarikan pemandangan semulajadi yang berbeza mengikut musim.

### Lawatan bulan Mac - November

- The Garden of the Morning Calm** - taman ini mempamerkan keindahan semula jadi melalui susunan bunga yang menakjubkan dan taman-taman yang direka dengan indah. Sempurna untuk pencinta alam dan peminat drama Korea, latar belakang yang indah ini telah dipaparkan dalam siri TV popular seperti 'Moonlight Drawn by Clouds'.
- INSPIRE Aurora LED Display**, menampilkan skrin LED sepanjang 150m yang beresolusi tinggi di siling, dinding dan tiang, dengan 'pertunjukan' setiap 30 minit.

### Lawatan bulan Disember - Februari

- Dibawa ke **Ski Resort** untuk merasai pengalaman bermain salji di ski resort.
- Kos tambahan: Sewa pakaian ski 15,000 won & sewa peralatan ski 35,000 won.

Bermalam di Incheon.

## HARI 03 INCHEON - SEOUL SP/MT/MM

### Lawatan di Seoul:

- Gwanghwamun Gate:** Pintu masuk utama ke istana dan jangan lepaskan peluang melihat upacara pertukaran pengawal yang dilakukan sejak tahun 1469 sehingga ke hari ini.
- Gyeongbokgung Palace:** Dibina pada tahun 1395 ketika era Dinasti Joseon, istana pemerintahan ini merupakan yang terbesar dan tercantik di Korea. Berfoto sambil memakai pakaian tradisional orang Korea, Hanbok.
- Membeli-belah di Ginseng Center dan Red Pine Tree Shop.
- Bersiar-siar di **Itaewon Street** yang merupakan kawasan tumpuan penduduk tempatan dengan pelbagai jenis makanan jalanan, persembahan artis jalanan dan kafe-kefe.
- Melawat di **Seoul Central Mosque** yang dibina pada tahun 1976 dan satu-satunya masjid di tengah kota Seoul.

- Membeli-belah di kawasan terkenal **Myeongdong Market** dan **Namdaemun Market** untuk membeli cenderamata atau pakaian termasuklah butik-butik yang berjenama.
- Bersiar-siar di sepanjang laluan pejalan **Cheonggye-Cheon Stream** sambil menonton persembahan lampu dan air yang terdapat di sepanjang sungai ini.

Bermalam di Seoul.

## HARI 04 SEOUL SP/MT/MM

- Hanok Village:** Sebuah perkampungan tradisional Korea di Seoul dengan sejarah panjang yang terletak di puncak bukit antara Istana Gyeongbok, Istana Chang-deok dan Tokong Diraja Jongmyo.
- Starfield Library:** Perpustakaan awam yang terletak di dalam COEX Mall ini menempatkan ribuan jenis buku dan merupakan lokasi terkenal untuk pelancong berfoto.
- Bersiar-siar di **Apglejeong Rodeo Street** yang terletak di Gangnam, yang juga digelar Beverly Hills Korea kerana kawasan ini dipenuhi dengan segala macam jenis butik pakaian berjenama dan berfoto dengan GangnamDols kumpulan K-Pop di **K-Star Road**.
- Membeli-belah di Cosmetic Shop.
- Hanuel Park:** Taman yang terletak di dalam kawasan World Cup Park ini merupakan lokasi terbaik untuk bergambar bagi foto Instagram dengan tumbuhan dan pokok-pokok di sekitarnya berubah ikut musim dan juga terdapat menara tinjau yang menawarkan pemandangan 360° kotaraya Seoul.
- Hongdae University Street:** Bersiar-siar dan membeli cenderamata atau barang kraftangan saat akhir di kawasan yang menjadi tumpuan para pelajar universiti

Bermalam di Seoul.

## HARI 05 SEOUL - EVERLAND - SEOUL SP/MT/MM

- Masa bebas untuk berhibur dan bermain-main bersama keluarga di taman tema **Everland Theme Park** yang menawarkan pelbagai tarikan yang menarik dan menjadi lokasi tumpuan rakyat tempatan berhibur. Antara tarikan di situ ialah roller coaster, show parade, istana kanak-kanak, taman bunga dan lain-lain.
- Membeli-belah di kawasan terkenal tengah bandar iaitu **Dongdaemun Design Plaza** yang terkenal dengan rekabentuknya yang unik.

Bermalam di Seoul.

## HARI 06 INCHEON - KUALA LUMPUR

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur (tiba di KLIA Terminal 2)